

06 OCT 2002

Mahathir-BN (Bergambar)

KOMPONEN BN PERLU SEDERHANA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) yang mewakili pelbagai kaum mengambil pendekatan sederhana dan tidak membiarkannya terpengaruh dengan pandangan puak ekstremis.

"Kita harus rasional dan jangan biarkan diri kita terpengaruh dengan pandangan puak ekstremis," kata Perdana Menteri ketika merasmikan Perhimpunan Agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) ke-49 di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, parti-parti komponen BN juga harus berani menegakkan kebenaran dan membuat keputusan yang akan memberi manfaat kepada semua dan bukannya sesuatu kaum sahaja.

Beliau memberikan contoh bagaimana langkah kerajaan menggalakkan percampuran di kalangan golongan muda menerusi sekolah wawasan telah dipolitikkan oleh segelintir puak ekstremis yang mengambil kesempatan dengan menuduh kerajaan mahu menghapuskan sekolah jenis kebangsaan.

Berikutan itu Dr Mahathir mengulangi nasihatnya supaya parti-parti komponen BN memastikan mereka kuat dan bersatu-padu terlebih dahulu dan tidak terpengaruh dengan puak ekstremis dalam usaha kerajaan memupuk dan menjalin hubungan rapat antara kaum.

Beliau berkata puak ekstremis mudah mendapat sokongan sekiranya parti komponen BN dan pemimpinnya lemah dan bersengketa.

"Dalam sistem demokrasi, sokongan majoriti menentukan siapa yang akan menjadi kerajaan.

"Ugutan oleh puak ekstremis untuk mengurang undi parti kerajaan akan diguna berkali-kali jika mereka dapati kita mudah tunduk kepada ugutan mereka," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata walaupun umumnya hubungan antara kaum di Malaysia amat baik pada masa kini tetapi terdapat perpisahan antara golongan muda di sekolah dan institusi pengajian tinggi yang tidak baik kepada masa depan negara untuk meneruskan kemajuan.

Beliau berkata perpaduan kaum telah meyakinkan penjajah untuk memberikan kemerdekaan kepada negara dan langkah-langkah kerajaan yang dapat menyekat kejadian seperti rusuhan kaum pada 1969 berulang, telah membolehkan negara mengekalkan keharmonian dan perpaduan setelah rantau ini diserang penyangak matawang.

Beliau juga berkata kerajaan amat tegas dalam menangani isu perhubungan antara kaum dan walaupun kaum Bumiputera mempunyai hak keistimewaan seperti termaktub dalam Perlembagaan Negara, kerajaan tidak pernah mengeneppikan hak kaum lain.

"Kerajaan akan tetap mempertahankan hak kaum-kaum lain berdasarkan peruntukan di bawah Perlembagaan Negara. Tetapi kerajaan juga mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk mengekalkan keharmonian dan perpaduan generasi akan datang," kata Perdana Menteri.

Semasa bercakap pada sidang media kemudiannya, Dr Mahathir berkata cadangan PPP supaya diwujudkan hanya satu parti yang mewakili BN serta permintaannya supaya semua kaum yang lahir selepas 31 Ogos 1957 diberi taraf Bumiputera, perlu mendapat pandangan daripada parti-parti komponen yang lain.

Presiden PPP Datuk M. Kayveas dalam ucapannya sebelum itu mengemukakan permintaan berkenaan kepada kerajaan bagi menjadikan usaha pembentukan satu Bangsa Malaysia boleh tercapai.

Mengenai permintaan PPP supaya diberikan kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri pada pilihan raya akan datang berikutan pertambahan kerusi, Dr Mahathir berkata: "Semua parti minta, bukan PPP sahaja, kita timbanglah, Umno pun minta tambah juga."

-- BERNAMA

RZS MFJ RON